

Bil. S 64

PERLEMBAGAAN NEGARA BRUNEI DARUSSALAM
{Perintah dibuat di bawah Perkara 83(3)}

PERINTAH AKTA LESEN PERNIAGAAN {PEMANSUHAN}, 2016

SUSUNAN BAB-BAB

Bab

1. Gelaran dan permulaan kuat kuasa
 2. Pemansuhan Penggal 127
 3. Peruntukan-peruntukan peralihan dan perkecualian
-

PERLEMBAGAAN NEGARA BRUNEI DARUSSALAM
(Perintah dibuat di bawah Perkara 83(3))

PERINTAH AKTA LESEN PERNIAGAAN (PEMANSUHAN), 2016

Pada menjalankan kuasa yang diberikan oleh Perkara 83(3) dari Perlembagaan Negara Brunei Darussalam, maka Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan dengan ini membuat Perintah yang berikut —

Gelaran dan permulaan kuat kuasa

1. Perintah ini boleh digelar sebagai Perintah Akta Lesen Perniagaan (Pemansuhan), 2016 dan hendaklah dianggap telah mula berjalan kuat kuasanya pada 1hb Januari 2016.

Pemansuhan Penggal 127

2. Akta Lesen Perniagaan adalah dimansuhkan.

Peruntukan-peruntukan peralihan dan perkecualian

3. (1) Mana-mana lesen yang dikeluarkan di bawah Akta Lesen Perniagaan yang dimansuhkan itu, setakat mana ia tidak bertentangan dengan peruntukan-peruntukan sebarang undang-undang bertulis lain yang berkuat kuasa pada masa itu berhubung dengan pengeluaran lesen atau permit atau sijil pendaftaran berkaitan dengan mana-mana perdagangan, perniagaan atau pekerjaan yang dinyatakan dalam Jadual kepada Akta Lesen Perniagaan yang dimansuhkan itu, adalah dianggap sebagai suatu lesen atau permit atau sijil pendaftaran yang dikeluarkan oleh pihak berkuasa yang berkaitan di bawah peruntukan yang bersamaan undang-undang bertulis lain itu.

(2) Apa-apa keputusan yang dibuat dan sebarang perbuatan atau perkara yang dilakukan di bawah atau menurut Akta Lesen Perniagaan yang dimansuhkan itu, setakat mana ia tidak bertentangan dengan peruntukan-peruntukan sebarang undang-undang bertulis lain yang berkuat kuasa pada masa itu, adalah dianggap telah dibuat atau dilakukan di bawah peruntukan-peruntukan yang bersamaan undang-undang bertulis lain itu dan hendaklah terus berkuat kuasa dengan sewajarnya.

(3) Tiap-tiap permohonan lesen yang belum dikeluarkan di bawah Akta Lesen Perniagaan yang dimansuhkan itu yang dibuat sebelum tarikh permulaan kuat kuasa Perintah ini adalah dianggap sebagai permohonan bagi suatu lesen atau permit atau sijil pendaftaran di bawah peruntukan yang bersamaan undang-undang bertulis lain itu.

WARTA KERAJAAN NEGARA BRUNEI DARUSSALAM

Diperbuat pada hari ini 29 haribulan Syawal, Tahun Hijrah 1437 bersamaan dengan 3 haribulan Ogos, 2016 di Istana Nurul Iman Beta, Bandar Seri Begawan, Negara Brunei Darussalam.

KEBAWAH DULI YANG MAHA MULIA
PADUKA SERI BAGINDA SULTAN DAN YANG DI-PERTUAN
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM